

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

SIARAN MEDIA

KES PIAM DAN SYARIKAT-SYARIKAT INSURANS: MyCC SEDANG MEMPERTIMBANGKAN PILIHANNYA MENGENAI KEPUTUSAN YANG DIKELUARKAN OLEH TRIBUNAL RAYUAN PERSAINGAN

KUALA LUMPUR, 13 SEPTEMBER 2022 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) merujuk kepada beberapa artikel media yang diterbitkan baru-baru ini yang mengulas tentang keputusan Tribunal Rayuan Persaingan (TRP) berhubung keputusan MyCC berkenaan kes tersebut. Artikel-artikel tersebut tidak memberi gambaran keseluruhan keputusan TRP. Pada tahun 2017¹ dan sekali lagi pada 2020², Bank Negara Malaysia (BNM) dan Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) telah menegaskan bahawa perjanjian antipersaingan tersebut dibuat berdasarkan arahan BNM. Malah, ini adalah pembelaan yang telah dikemukakan oleh syarikat insurans kepada TRP, yang turut disokong oleh BNM.

MyCC ingin menegaskan bahawa TRP memutuskan bahawa MyCC, mengikut sifat dan fungsinya sebagai badan separa kehakiman, diberi kuasa untuk mentafsir sesuatu peruntukan undang-undang sama ada ia relevan atau sebaliknya. Tafsiran undang-undang oleh MyCC yang memberi kesan terhadap bidang kuasa pengawal selia yang lain tidak boleh menghalang MyCC daripada melaksanakan tugasnya.

Seterusnya, TRP memutuskan bahawa surat-surat yang dikeluarkan oleh BNM yang digunakan oleh PIAM dan syarikat-syarkat insurans tidak boleh ditafsirkan sebagai suatu arahan. Malah, TRP berpandangan bahawa surat-surat tersebut tidak menggunakan bahasa yang tepat untuk ditafsirkan sebagai suatu arahan seperti yang dinyatakan oleh BNM. Seterusnya, TRP juga memutuskan bahawa BNM tidak menyatakan dengan jelas dalam surat-suratnya bahawa ia telah mengarahkan PIAM dan syarikat-syarkat insurans untuk memasuki perjanjian tersebut. Selaras dengan hasil dapatan MyCC dalam keputusan akhirnya, TRP memutuskan bahawa surat tersebut hanya menggesa pihak-pihak tersebut untuk menyelesaikan pertikaian

¹ <https://www.bnm.gov.my/-/keputusan-yang-dicadangkan-oleh-mycc-terhadap-piam-dan-22-ahlinya;https://piam.org.my/blog/2017/03/01/piams-statement-on-the-proposed-decision-by-mycc/>

² <https://www.bnm.gov.my/-/keputusan-muktamad-mycc-terhadap-piam-dan-22-ahlinya;https://piam.org.my/blog/2020/09/30/piam-expresses-profound-disappointment-at-myccs-decision/>

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

komersial, mempercepatkan rundingan dan mencapai persetujuan mengenai isu yang dibangkitkan.

Dalam mencapai keputusannya, TRP juga mengambil kira waktu pertama kali BNM menyatakan pendiriannya bahawa surat-surat tersebut merupakan suatu arahan. TRP berpendapat sekiranya BNM sememangnya mengeluarkan arahan pada tahun 2011, ia akan menyatakan demikian pada tahun 2015 apabila penyiasatan oleh MyCC dimulakan atau pada seawal mungkin selepas penyiasatan telah dimulakan. Sebaliknya, BNM hanya menyatakan bahawa surat-surat tersebut merupakan suatu arahan lebih kurang sebulan sebelum MyCC mengeluarkan keputusan cadangannya pada tahun 2017. Atas dasar ini, TRP menolak rayuan BNM.

“MyCC kini sedang menilai aspek-aspek lain berkenaan keputusan TRP dan mempertimbangkan pilihannya termasuk memfailkan semakan kehakiman. Ini kerana keputusan TRP mungkin menyebabkan kekeliruan mengenai tafsiran berhubung dengan perjanjian antipersaingan yang dibuat melalui persatuan. Pada masa yang sama, MyCC akan terus berusaha untuk melaksanakan mandatnya dengan cekap dan efektif berteraskan komitmen untuk memastikan budaya persaingan kekal kondusif dan pasaran berfungsi dengan baik demi kepentingan pengguna, perniagaan dan ekonomi”, kata Encik Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC.

-tamat-

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit: +6019 215 2273

Emel: cad@mycc.gov.my

Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-10 pada 1 April 2021 dan seterusnya turut membuat pelancaran pengenalan penjenamaan semula logo demi meningkatkan identiti korporat. Logo ini menerap semangat dan jiwa organisasi di samping memperkuatkan kekuatan dan etika bekerja. Simbolik corak kupu-kupu secara global dikenali sebagai lambang ketahanan, perubahan, harapan dan kehidupan. Penjenamaan baru ini juga menonjolkan kesederhanaan yang halus yang melambangkan perubahan dan kematangan MyCC yang tersendiri.

Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang www.mycc.gov.my.